

11 JUN 1996
Exco-Sanusi
ANGGOTA EXCO KEDAH IKRAR SOKONG KEPIMPINAN SANUSI

ALOR SETAR, 11 Jun (Bernama) -- Lima daripada lapan anggota Exco Kerajaan Negeri Kedah yang dihubungi hari ini berkata mereka bersedia menerus tugas dengan kerajaan negeri di bawah Menteri Besar baru Datuk Seri Sanusi Junid selagi khidmat mereka diperlukan.

Mereka terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Perhubungan Negeri Datuk Abdul Rahman Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Penerangan Abdullah Hasnan Kamaruddin, Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Sheikh Alias Mustafa, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Pembangunan Sosial V. Saravanan dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Abdul Razak Hashim.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Industri Datuk Beh Heng Seong, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Belia dan Pembangunan Sukan Abdul Rahman Ariffin dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Syed Razak Syed Zain tidak dapat dihubungi kerana menjalankan tugas di luar.

Abdul Rahman berkata tidak timbul soal sama ada beliau perlu menyokong atau menolak kepimpinan Sanusi kerana sebagai wakil rakyat, beliau akan bekerjasama dan menyokong siapa yang dilantik oleh Perdana Menteri.

"Saya akan terus bekerja dan memenuhi harapan rakyat yang memilih saya sebagai wakil mereka dalam pentadbiran kerajaan negeri," katanya.

Apabila diminta komennya mengenai pendirian awal beliau bersama 21 lagi anggota dewan itu yang menolak sebarang rancangan untuk menggantikan Tan Sri Haji Osman Aroff dengan Sanusi sebagai Menteri Besar, Abdul Rahman berkata kesemua mereka telah menyuarakan pendapat masing-masing kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu itu.

Beliau kini menganggap perkara itu sudah selesai dan sebagai anggota Umno, katanya, beliau akur dengan keputusan Perdana Menteri yang juga Presiden parti.

Abdullah Hasnan pula berkata beliau dipelawa oleh Menteri Besar untuk memegang jawatan itu atas persetujuan Perdana Menteri, dan oleh yang demikian akan terus berkhidmat selagi diperlukan manakala Abdul Razak pula berkata beliau tidak mempunyai masalah untuk bekerja dengan sesiapa saja yang dipilih untuk memimpin kerajaan negeri.

Sheikh Alias berkata beliau akur dengan keputusan Dr Mahathir manakala Saravanan beliau akan terus bekerjasama dengan pemimpin baru kerajaan negeri.

Pada persidangan berita semalam selepas diumumkan sebagai Menteri Besar Kedah yang baru, Sanusi berkata bahawa beliau tidak menghadapi sebarang masalah dengan barisan Exco Kerajaan Negeri sekarang.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berharap dengan perlantikan Sanusi itu hubungan Pulau Pinang dan Kedah akan bertambah erat khususnya dalam konteks segitiga wilayah utara dan juga pembangunan segitiga Malaysia-Indonesia-Thailand (IMT-GT).

"Saya mengenali Sanusi sejak dilantik sebagai Anggota Parlimen pada tahun 1982 lagi dan berharap pengenalan itu dapat dieratkan lagi memandangkan beliau akan memainkan peranan yang sama dengan saya untuk membangunkan negeri masing-masing", kata Koh.

Di PETALING JAYA, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau yakin Kedah akan terus membangun dengan pesat dan menyumbang ke arah pembangunan negara yang lebih cemerlang di bawah Sanusi.

"Saya yakin pimpinan UMNO peringkat negeri akan mengutamakan soal

perpaduan parti untuk membolehkan jentera pentadbiran kerajaan negeri berjalan lancar dan berkesan," katanya kepada pemberita di sini.

Muhyiddin yang juga Naib Presiden UMNO berkata dengan latar belakang Kabinet dan pengalamannya yang luas, Sanusi mampu untuk meneruskan usaha Osman dalam menggiatkan pembangunan di Kedah. -- BERNAMA

AA ZAB MAI